



KP(BS) 8591/Jld.XVIII (1)

4 Januari 2002

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 1/2002 :
Pelaksanaan Mata Pelajaran Sains Sukan

Surat Pekeliling Ikhtisas ini dikeluarkan dengan tujuan untuk memaklumkan kepada semua sekolah menengah berkaitan dengan pelaksanaan mata pelajaran Sains Sukan, berkuatkuasa mulai sesi persekolahan tahun 2002. bagi perhatian Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan, Sains Sukan adalah mata pelajaran elektif kumpulan teknologi dan ditawarkan kepada murid Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima.

2. Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan adalah diminta memaklumkan kepada semua sekolah menengah yang ingin menawarkan mata pelajaran Sains Sukan agar dapat memenuhi syarat dan kriteria seperti yang berikut :

- 2.1 Semua permohonan untuk menawarkan mata pelajaran Sains Sukan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Pendidikan Negeri dan mendapat kelulusan Pengarah Pendidikan Negeri;
- 2.2 Peruntukan masa bagi mata pelajaran Sains Sukan adalah 4 waktu seminggu;
- 2.3 Mata pelajaran Sains Sukan hendaklah diajar oleh guru yang berkelulusan Ijazah Pendidikan Jasmani atau yagn setaraf dengannya;
- 2.4 Sekolah boleh membuka kelas Sains Sukan dengan bilangan murid sekurang-kurangnya 15 orang; dan
- 2.5 Sekolah perlu mempunyai peralatan yang sesuai dengan kehendak kurikulum Sains Sukan.


3. Kementerian Pendidikan telah menyediakan Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran untuk mata pelajaran Sains Sukan bagi menjayakan pelaksanaan kurikulum Sains Sukan. Sekolah perlu menggunakan kurikulum yang telah disediakan.

4. Sains Sukan telah ditawarkan sebagai mata pelajaran peperiksaan peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Siaran Lembaga Peperiksaan bil. LP SPPP/16/6.44Jld.6(24) bertarikh 11 November 2000 adalah berkaitan. Sekolah dikehendaki mematuhi peraturan pendaftaran peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia untuk mengemukakan calon. Sila rujuk buku Peraturan dan Panduan Peperiksaan SPM yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

5. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua sekolah menengah di negeri Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad
Menteri Pelajaran Malaysia
 2. Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 4. Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd Khir
Setiausaha Parliman, Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 8. Ketua-Ketua Bahagian, Kementerian Pendidikan Malaysia
 9. Ketua Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia
 10. Penasihat Undang-Undang, Kementerian Pendidikan Malaysia
 11. Ketua Perhubungan Awam, Kementerian Pendidikan Malaysia